



BENGKEL PANDUAN PENULISAN (PRIMARI 5 & 6)

SABTU, 23 JANUARI 2021

PENYAMPAI

OBJEKTIF

Ibu bapa dapat:

- (1) memahami tuntutan peperiksaan
- (2) mengetahui tips untuk membantu anak-anak semasa membuat persiapan peperiksaan karangan

KANDUNGAN

- (1) Objektif
- (2) Format peperiksaan & Contoh Soalan Karangan
 - Bahasa Melayu & Bahasa Melayu Lanjutan
- (3) Skema Pemarkahan
- (4) Senarai Semak
- (5) Paket Penulisan
- (6) Tips Untuk Ibu Bapa
- (7) Sesi Tanya Jawab

FORMAT PEPERIKSAAN - PRIMARI 5

Setiap murid primari 5 haruslah mengetahui format peperiksaan dan mematuhi arahan dalam kertas peperiksaan. Berikut ialah perkara-perkara yang perlu diketahui oleh murid.

Masa	:	50 minit
Soalan	:	Pilih 1 soalan – tajuk atau gambar bersiri
Jumlah perkataan	:	Sekurang-kurangnya 120 patah perkataan (sekurang-kurangnya 4 perenggan)
Markah	:	40

FORMAT PEPERIKSAAN - PRIMARI 6

Setiap murid primari 6 haruslah mengetahui format peperiksaan dan mematuhi arahan dalam kertas peperiksaan. Berikut ialah perkara-perkara yang perlu diketahui oleh murid.

Masa	:	50 minit
Soalan	:	Pilih 1 soalan – tajuk atau gambar bersiri
Jumlah perkataan	:	Sekurang-kurangnya 150 patah perkataan (sekurang-kurangnya 4 perenggan)
Markah	:	40

Contoh Soalan Karangan Primari 5 / 6 – Karangan Berdasarkan Tajuk

ARAHAN: Kertas ini mengandungi dua soalan. Pilih SATU soalan sahaja. Kamu diberi masa 50 minit untuk membaca soalan dan menulis sebuah karangan mengenai soalan pilihan kamu itu. Kamu tidak seharusnya menggunakan lebih daripada 10 minit untuk memilih soalan.

Dengan menggunakan tidak kurang daripada 120* patah perkataan, tulis sebuah karangan berdasarkan soalan pilihan kamu. (*120pp - P5, 150pp – P6)

SOALAN 1

Satu Peristiwa Yang Tidak Dapat Dilupakan

Tulis sebuah karangan berdasarkan tajuk yang diberikan. Kamu boleh menggunakan butir-butir yang berikut:


- siapakah yang terlibat
- apakah yang terjadi
- mengapakah peristiwa itu tidak dapat dilupakan
- bagaimanakah kesudahan peristiwa itu
- apakah pengajaran di sebalik peristiwa itu

ATAU

Contoh Soalan Karangan – Gambar Bersiri (Primari 5 & 6)

SOALAN 2

Perhatikan gambar bersiri di bawah ini. Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar tersebut dan ceritakan peristiwa yang berlaku selanjutnya. Kamu boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberikan.



kurang upaya

telefon bimbit

berasa kasihan

tertipu

membeli

bersemuka

pergi ke kedai

menumbuk

FORMAT PEPERIKSAAN PRIMARI 5 & 6 BAHASA MELAYU LANJUTAN

Setiap murid primari 5 / 6 BML haruslah mengetahui format peperiksaan dan mematuhi arahan dalam kertas peperiksaan. Berikut ialah perkara-perkara yang perlu diketahui oleh murid.

Masa	:	50 minit
Soalan	:	Pilih 1 soalan – tajuk (scenario) atau melengkapkan karangan
Jumlah perkataan	:	Sekurang-kurangnya 180 patah perkataan
Markah	:	40

Contoh Soalan Karangan – Primari 5 & 6 BML

ARAHAN: Kertas ini mengandungi **dua** soalan. Pilih **SATU** soalan sahaja. Kamu diberi masa 50 minit untuk membaca soalan dan menulis sebuah karangan mengenai soalan pilihan kamu itu. Kamu **tidak seharusnya menggunakan lebih daripada 10 minit** untuk memilih soalan.

Dengan menggunakan **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**, tulis sebuah karangan berdasarkan soalan pilihan kamu.

SOALAN 1: Tulis sebuah karangan berdasarkan tajuk dan senario yang diberikan.

Kejayaan tidak datang begitu sahaja.

Tuliskan mengenai satu peristiwa yang menyedarkan kamu bahawa kamu perlu bekerja keras untuk mencapai kejayaan.

SOALAN 2: Tulis sebuah cerita dengan menggunakan permulaan yang berikut.

Keadaan dalam kelas senyap. Setiap murid sedang khusyuk membuat latihan Matematik yang diarahkan guru, kecuali Ali. Dia sibuk menulis sesuatu. Kemudian, nota itu dilipatnya lalu dihulurkan kepada murid yang duduk di hadapannya. Guru Matematik ternampak nota itu lalu mengambil nota tersebut daripada murid itu. Dengan secara mendadak, Ali merampas nota itu daripada tangan gurunya dan dia...

Senarai Semak Karangan P5

No.	Gaya Penulisan	Murid Tandakan (✓)	Guru Tandakan (✓)
1	Sekurang-kurangnya 4 perenggan & 120 patah perkataan		
2	Sekurang-kurangnya 1 gaya bahasa: a) Peribahasa		
	b) Frasa berbunga		
	c) Bandingan semacam / Simile		
3	Sekurang-kurangnya 1 teknik: a) Kesan Bunyi		
	b) Pemerian / Deskriptif		
	c) Monolog		
	d) Dialog		
	e) Imbas kembali		
	f) Imbas muka		
4	Gambar terakhir diceritakan:		
	a) Ada penutup di akhir karangan		
	b) Ada pengajaran di akhir karangan		
Catatan tambahan, jika ada (untuk guru sahaja):			
<hr/> <hr/> <hr/>			

Senarai Semak Karangan P6

No.	Gaya Penulisan	Murid Tandakan (✓)	Guru Tandakan (✓)
1	Sekurang-kurangnya 4 perenggan & 150 patah perkataan		
2	Sekurang-kurangnya 1 gaya bahasa: a) Peribahasa b) Frasa berbunga c) Bandingan semacam / Simile		
3	Sekurang-kurangnya 1 teknik: a) Kesan Bunyi b) Pemerian / Deskriptif c) Monolog d) Dialog e) Imbas kembali f) Imbas muka		
4	Gambar terakhir diceritakan: a) Ada penutup di akhir karangan b) Ada pengajaran di akhir karangan		
Catatan tambahan, jika ada (untuk guru sahaja): <hr/> <hr/> <hr/>			

PAKEJ PENULISAN



SEKOLAH RENDAH GREENWOOD
BAHASA MELAYU
PRIMARI 6

Pakej Penulisan



Nama	:	
Kelas	:	
Guru	:	

TIPS UNTUK IBU BAPA

- Menggalakkan dan memastikan bahawa anak-anak membaca bahan bacaan Bahasa Melayu seperti buku cerita, akhbar, majalah dan sebagainya
- Membantu anak-anak untuk mendapatkan bahan bacaan Bahasa Melayu
- Mengajak anak-anak supaya berkongsi cerita yang dibaca atau ditonton – perkongsian idea
- Mengulang kaji bersama anak-anak dengan menggunakan Pakej Penulisan
- Bacalah karangan anak-anak
- Pantau pembetulan karangan anak-anak
- Memberikan sokongan dan motivasi kepada anak-anak supaya terus berdaya bingkas

**Jika anda ada
sebarang pertanyaan
lanjut, sila hubungi
guru-guru
Bahasa Melayu
anak anda.**



*At the end of the day,
the most overwhelming key
to a child's success is
the positive involvement of parents.*

~Jane D. Hull~